- 20.6 The Bank may also act on any related instructions, even if such transactions result in or increase an overdraft on the joint account, without prejudice to the Bank's right to approve or decline any overdraft or increase thereof.
- 20.7 In the event of death, bankruptcy or insanity of any Account holders, the Bank shall be entitled to freeze the joint account and deal with the funds therein in accordance with applicable laws and the Bank's policies, including releasing funds only upon receipt of all necessary documentation (e.g., probate, grant of representation, or court order).
- 20.8 Any change to the joint account mandate must be agreed to in writing by all Account holders and accepted by the Bank.
- 20.9 The Accounts holders shall jointly and severally undertake to indemnify and hold the Bank harmless against losses, claims, demands, proceedings, costs, expenses and other liabilities whatsoever and whenever incurred arising from any authorization issued by any of the Account holders.
- 20.10 Any notice or communication given by the Bank to any of the Account holders shall be considered to be given to all the Account holders.
- 20.11 Operation of Joint Accounts is subject further, where applicable, to such other general terms and conditions as set out hereto.

21. Partnership Account

- 21.1 All partners of the partnership will be regarded as the Account holders of the partnership account and shall be jointly and severally liable to the Bank for all liabilities, obligations, and indebtedness incurred under or in connection with the partnership account, regardless of any internal agreement among the partners. Unless otherwise instructed, all the partners shall have equal right and in equal portion to the credit balance in the partnership account.
- 21.2 The Account holders shall provide written mandate to operate or deal with the partnership account and the Bank shall act upon any instructions relating to the partnership account in accordance with the mandate. The Bank shall be entitled to rely on such mandate until it receives written notice of revocation or variation, notwithstanding any change in the composition of the partnership. Any change to the partnership account mandate must be agreed to in writing by all the partners and accepted by the Bank.
- 21.3 The Bank shall act upon any instructions in accordance with the mandate unless the Bank: (a) receives contradictory instructions; or (b) becomes aware of any dispute between the Account holders; or (c) receives instruction on the closure of the partnership account; or (d) such other circumstances as the Bank deems appropriate. In such circumstances, the Bank shall be entitled to refuse to act and insist to act only on the instructions of all the Account holders and the Bank shall have no liability to any of the Account holders for so acting or refusing to act.
- 21.4 In the event of any change in the constitution of the partnership, whether by death, retirement, resignation, or admission of any partner, the Bank may, at its discretion, treat the partnership account as continuing, and all partners (including incoming, outgoing, or continuing partners) shall remain jointly and severally liable to the Bank for all obligations and liabilities incurred prior to such change, unless otherwise agreed in writing by the Bank.

- 21.5 The Bank shall not be bound by any notice of dissolution of the partnership unless and until it receives formal written notice of such dissolution, duly signed by all existing partners. Until such notice is received and acknowledged, the Bank shall be entitled to continue acting in accordance with the existing mandate, and the partnership shall remain liable for all transactions undertaken by the Banking good faith.
- 21.6 The Bank shall have the right of lien and set-off over all funds, securities, or other assets held in any account maintained in the name of the partnership, in accordance with the terms set out in the Bank's general and set off clauses.
- 21.7 The partners shall jointly and severally indemnify the Bank and hold the Bank harmless against all actions, proceedings, claims, losses, damages, costs, and expenses incurred or sustained by the Bank arising from the operation of the partnership account or any instructions received in relation thereto.
- 21.8 Any notice or communication given by the Bank to any of the partners shall be considered to be given to all the partners.

22. Standing Instructions, Withdrawals, Interest

- 22.1 A payment or transfer of funds to be made or effected pursuant to any standing instructions given to the Bank shall be subject to such minimum balances being maintained in the Banking Account from which the funds are to be paid or transferred as may from time to time be prescribed by the Bank.
- 22.2 Any withdrawal to be made from any Banking Accounts may be subject to such proof of identity being produced as the Bank may require.
- 22.3 Interest on Banking Accounts shall only be payable according to the rates and conditions as advertised or notified by the Bank from time to time and may be limited to a specific account or subject to minimum balances being maintained.

23. Loss of Passbook/ Debit Card/Fixed Deposit Receipt

- 23.1 In the event of loss, theft, or misplacement of a passbook or fixed deposit receipt, this provisions shall apply only to the Account holders to whom the Bank had originally issued these documents at the time of account opening or placement of the fixed deposit, during the period when the Bank was issuing physical passbooks or receipts. For any lost, stolen, or damaged debit card, this terms shall apply to all Account holders to whom the debit card has been issued, regardless of the date of issuance.
- 23.2 The Account holder must notify the Bank immediately upon discovering the loss. The replacement of lost passbook and/or duplicate Fixed Deposit Receipt may be issued against a duly signed and stamped Letter of Indemnity, subject to payment of a service fee. Replacement of lost passbook and/or duplicate Fixed Deposit Receipt will only be done at the branch where the account was opened.
- 23.3 Replacement of lost debit card will be as per the terms and conditions governing the operations of debit card.

24. Indemnity

- 24.1 The Account holder agrees to fully indemnify and hold harmless the Bank, its officers, employees, agents, affiliates, and correspondents from and against any and all losses, claims, actions, demands, liabilities, costs, charges, demands, liabilities, costs, charges, or expenses (including legal fees on a full indemnity basis) which may be suffered or incurred by the Bank, directly or indirectly, arising out of or in connection with:
 - (a) The operation or use of any Banking Account or services provided by the Bank to the Account holder;
 - (b) Any breach of these Terms and Conditions or other applicable agreements by the Account holder;
 - (c) Any act or omission of the Account holder or any person purporting to action the Account holder's behalf;
 - (d) Any instruction (whether written oral, electronic, or otherwise) received by the Bank in relation to the Banking Account, which the Bank believes in good faith to be genuine;
 - (e) Any disclosure by the Bank pursuant to any law, regulation, directive, or court order; or
 - (f) Any negligence, fraud or misconduct (including wilful default) by the Account holder or its authorised representatives.

- 24.2 The Account holder's obligation under this indemnity shall continue to be in full force and effect notwithstanding the closure or suspension of the Banking Account or the termination of any services provided by the Bank.

25. Specific Terms and Conditions

- 25.1 Notwithstanding anything contained in these Terms and Conditions, the terms and conditions applicable to any specific type of banking account, as set out in any separate agreement, or notice issued by the Bank, shall apply in addition to these Terms and Conditions.
- 25.2 In the event of any inconsistency between such specific terms and conditions and these Terms and Conditions, the specific terms and conditions shall prevail to the extent of the inconsistency.

26. Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing Act and Proceeds of Unlawful Activities Act 2001("AMLA")

- 26.1 The Account holder acknowledges that the Bank is obligated to comply with the Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceeds of Unlawful Activities Act 2001 ("AMLA") and all applicable regulations, guidelines, and requirements issued by BNM or other relevant authorities.
- 26.2 The Account holder agrees to provide accurate information and cooperate with the Bank's verification, monitoring and reporting processes. The Bank may suspend, delay, or refuse to execute transactions if suspicious activity is suspected and may disclose relevant information to authorities as required by law.
- 26.3 The Bank shall not be liable for any losses arising from actions taken in compliance with the obligations as specified in this Clause 26.
- 26.4 With regards to trustee/beneficiary/nominee account(s) which the Account holder opened and/or maintained with the Bank, the Account holder undertake that the Account holder is aware and have verified the true identity of its beneficiaries and their sources of funds as required under the Anti-Money Laundering and Anti-Terrorism Financing Act 2001. The Account holder shall execute a Letter of Undertaking if so requested by the Bank.

27. Foreign Exchange Policy Notices

- 27.1 All foreign exchange transactions are subject to the Foreign Exchange Policy Notices ("FEP Notices") issued by BNM, as may be amended or updated from time to time. The Account holder shall ensure that all relevant transactions comply with the FEP Notices.
- 27.2 The Bank reserves the right to decline, cancel, delay, or report any transaction that does not comply with the requirements of the FEP Policy Notices. The Account holder agrees to provide any information or documents as may be requested by the Bank to ensure compliance, and further agrees to indemnify the Bank against any loss or liability arising from any breach of such requirements.

28. Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM")

- 28.1 The deposits maintained in the Deposit Accounts is protected by PIDM up to RM250,000 for each depositor and the PIDM brochure is available in Bank's branches, Bank's website www.icbcm.com and PIDM's website at www.pidm.gov.my.
- 28.2 Protection by PIDM is subject to insurability criteria. Please refer to the list of insured deposits displayed at www.icbcm.com for further details. Information on the types of deposit products eligible for protection and the limits of coverage is available at the Bank's branches and Bank's website .

29. Governing Law

The Terms and Conditions herein shall be governed by and construed in accordance with laws of Malaysia. The Account holder irrevocably submit to the non-exclusive jurisdiction of the courts of Malaysia and waives any objection or right to object it may at any time have on the ground that any legal proceedings have been brought in an inconvenient forum.

30. Amendments

- 30.1 The Bank reserves the right to vary, add to, delete or amend these terms and conditions ("Amendment") at any time by giving the Account holder prior notice of twenty one (21) days, either through Statement of Account, or by posting on the Bank's website at www.icbcmv.com or displaying at the Bank's branches or by any manner that the Bank deems fit.
- 30.2 The Account holder shall close the Banking Account if the Account holder does not accept the Amendment before the effective of such Amendment. By continuing using the Banking Account, the Account holder is deemed to have accepted and agreed to the Amendment and such Amendment will be binding on the Account holder.

31. Conflict

In the event of conflict in interpretation of any of the terms in this entire document containing the English, Bahasa Malaysia and Chinese version, the English version shall prevail.

DILINDUNGI OLEH PIDM SETAKAT RM250,000 BAGI SETIAP PEMDEPOSIT

TERMA DAN SYARAT-SYARAT AM UNTUK AKAUN BANK

Pembukaan, pengendalian dan penyelenggaraan Akaun Bank adalah tertakluk kepada Terma dan Syarat-syarat yang terkandung di sini (selepas ini dirujuk sebagai 'Terma dan Syarat') dan syarat-syarat khusus lain yang mungkin dinyatakan dalam borang permohonan tertentu.

Dengan menyerahkan permohonan untuk membuka Akaun Bank, pemohon bersetuju dan menerima Terma dan Syarat ini serta sebarang perubahan yang dibuat kelak.

Terma dan Syarat ini juga terpakai untuk Akaun Bank elektronik melainkan jika dinyatakan sebaliknya.

1. Definisi & Tafsiran

- 1.1 Melainkan jika konteksnya mengkehendaki sebaliknya, istilah-istilah berikut mempunyai maksud yang diberikan di bawah:
- (a) "Pemegang Akaun" merujuk kepada individu atau entiti yang namanya didaftarkan bagi Akaun Bank.
 - (b) "ATM" bermaksud Mesin Juruwang Automatik.
 - (c) "Bank" merujuk kepada Industrial And Commercial Bank Of China (Malaysia) Berhad, sebuah syarikat berdaftar di Malaysia dan dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013.
 - (d) "Akaun Bank" termasuk semua akaun simpanan, akaun semasa, akaun deposit tetap atau sebarang akaun deposit lain yang ditawarkan oleh Bank pada masa hadapan dan dikendalikan oleh Pemegang Akaun, sama ada secara individu atau bersama. Jika berkenaan, istilah ini juga merangkumi mana-mana akaun tunggal.
 - (e) "BNM" bermaksud Bank Negara Malaysia.
 - (f) "Pelanggan" merujuk kepada mana-mana individu atau entiti yang memohon atau menerima produk atau perkhidmatan perbankan daripada Bank, termasuk wakil berautoriti, pengarah, penandatangan, atau mana-mana pihak yang bertindak bagi pihak Pemegang Akaun.
 - (g) "OTC" bermaksud transaksi kaunter (over the counter).
 - (h) "Penyata Akaun" merujuk kepada penyata yang menunjukkan semua transaksi dalam Akaun Bank, sama ada dalam bentuk fizikal atau elektronik, yang akan dikeluarkan oleh Bank kepada Pemegang Akaun secara bulanan, suku tahunan, atau pada selang masa yang ditetapkan oleh Bank.
- 1.2 Perkataan dalam bentuk tunggal termasuk jamak dan sebaliknya; perkataan bagi mana-mana jantina termasuk semua jantina lain; dan rujukan kepada individu termasuk badan korporat, perkongsian, dan entiti undang-undang lain. Tajuk dalam Terma dan Syarat ini dimasukkan untuk kemudahan sahaja dan tidak menjejaskan tafsiran atau pembinaannya.

2. Keperluan Pembukaan Akaun

- 2.1 Pembukaan Akaun Bank adalah tertakluk kepada keperluan dan prosedur dalaman Bank, termasuk tetapi tidak terhad kepada prosedur due diligence atau "kenali pelanggan anda" (KYC) serta pengesahan maklumat pemohon.
- 2.2 Pemohon mesti melengkapi borang pembukaan akaun yang ditetapkan oleh Bank dan menyediakan dokumen sokongan seperti yang diperlukan, termasuk pengenalan diri yang sah, bukti alamat, spesimen tandatangan, pengisytiharan kawal selia (contohnya FATCA/CRS), dan dokumen lain yang difikirkan perlu oleh Bank. Deposit awal, mengikut jumlah yang ditetapkan oleh Bank bagi jenis akaun berkenaan,

mesti dibuat semasa pembukaan akaun. Bank berhak mengubah suai keperluan deposit minimum dari semasa ke semasa.

- 2.3 Bank berhak menolak sebarang permohonan Akaun Bank atau permintaan perkhidmatan perbankan, atau menutup mana-mana Akaun Bank, tanpa memberikan sebarang alasan. Bank tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kerugian, kos atau perbelanjaan yang timbul akibat penolakan atau penutupan tersebut.
- 2.4 Pemohon dan/atau Pemegang Akaun bersetuju mematuhi semua keperluan yang dikenakan oleh Bank berkaitan pembukaan, pengendalian dan penyelenggaraan Akaun Bank. Bank boleh enggan menawarkan atau meneruskan perkhidmatan Akaun Bank jika Pemegang Akaun gagal memenuhi keperluan tersebut..
- 2.5 Tiada Akaun Bank dianggap berjaya dibuka atau diaktifkan sehingga prosedur dalaman Bank selesai dan semua dokumen yang diperlukan telah diserahkan, disahkan dan diluluskan oleh Bank.

3. Pendedahan Maklumat dan Data Peribadi

- 3.1 Pemegang Akaun bersetuju dan membenarkan Bank, pegawainya, pekerja, ejen dan penasihat profesional, tanpa perlu merujuk atau memberitahu Pemegang Akaun, untuk mendedahkan atau menyediakan sebarang maklumat berkaitan Pemegang Akaun, data peribadi dan Akaun Bank ("Maklumat") kepada:-
 - (a) Institusi kewangan lain, Unit Kredit Pusat atau mana-mana biro kredit pusat yang ditubuhkan oleh BNM termasuk Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (CCRIS) dan/atau pangkalan data, sistem, badan atau pihak berkuasa lain yang ditubuhkan oleh BNM atau mana-mana agensi kerajaan di Malaysia atau di luar negara; dan/atau
 - (b) Mana-mana mahkamah, tribunal atau pihak berkuasa kawal selia, pengawasan, kerajaan atau separa kerajaan yang mempunyai bidang kuasa ke atas Bank, tempat tinggal cukai Pemegang Akaun, atau bidang kuasa lain seperti yang diperlukan di bawah undang-undang; dan/atau
 - (c) Syarikat berkaitan atau sekutu Bank, termasuk syarikat induk, anak syarikat, pejabat cawangan atau wakil di mana-mana bidang kuasa ("Kumpulan Bank"); dan/atau
 - (d) Mana-mana biro kredit, agensi pelaporan kredit, agensi penarafan, penanggung insurans atau broker insurans, atau pembekal perlindungan kredit langsung/tidak langsung untuk Bank; dan/atau
 - (e) Juruaudit, peguam dan penasihat profesional Bank; dan/atau
 - (f) Mana-mana peserta atau sub-peserta dalam hak/kewajipan Bank di bawah mana-mana perjanjian dengan Pemegang Akaun; dan/atau
 - (g) Organisasi pengumpulan/pemprosesan maklumat yang menjalankan tinjauan atau analisis bagi pihak Bank; dan/atau
 - (h) Mana-mana pihak yang terlibat dalam penghantaran komunikasi kepada Pemegang Akaun; dan/atau
 - (i) Polis atau pihak berkuasa yang menyiasat kesalahan atau kesalahan yang disyaki; dan/atau
 - (j) Mana-mana pihak bagi melindungi hak Bank di bawah Terma dan Syarat ini;
 - (k) Mana-mana pihak yang menyediakan perkhidmatan operasi untuk Bank.
- 3.2 Pemegang Akaun mengakui bahawa mereka mempunyai pilihan untuk menarik balik persetujuan yang telah diberikan kepada Bank bagi pemprosesan Maklumat mereka. Pemegang Akaun juga memahami bahawa penarikan balik persetujuan ini boleh menjejaskan penyediaan produk atau perkhidmatan perbankan. Jika penarikan balik sedemikian berlaku, Bank tidak akan dapat meneruskan pemprosesan Maklumat yang berkaitan dan berhak untuk menutup atau menghentikan Akaun Perbankan, atau memberhentikan sebarang produk, perkhidmatan atau kemudahan yang bergantung kepada Maklumat tersebut
- 3.3 Pemegang Akaun bersetuju dan memberi kuasa kepada Bank, serta mengesahkan, menyatakan, dan menjamin (jika Pemegang Akaun memberikan maklumat berkaitan mana-mana pihak ketiga kepada Bank) bahawa ia telah memperoleh persetujuan dan kuasa yang sewajarnya daripada pihak ketiga tersebut untuk Bank menjalankan semakan rujukan (termasuk tetapi tidak terhad kepada semakan kredit) dan mengesahkan maklumat yang diberikan oleh Pemegang Akaun atau mana-mana pihak kepada Bank dan/atau mengenal pasti status Pemegang Akaun atau pihak ketiga tersebut dengan mana-mana pihak (termasuk, tanpa had, agensi pelaporan/rujukan kredit, biro kredit, organisasi atau syarikat yang ditubuhkan untuk tujuan mengumpul dan/atau memberikan maklumat kredit atau maklumat lain), tanpa perlu merujuk atau memberi notis lanjut kepada Pemegang Akaun atau pihak ketiga tersebut; bagi tujuan Fasal 3.3 ini, Pemegang Akaun selanjutnya bersetuju dan memberi kuasa kepada agensi pelaporan/rujukan kredit yang berkaitan, serta mengesahkan, menyatakan, dan

menjamin (jika Pemegang Akaun memberikan maklumat berkaitan mana-mana pihak ketiga kepada Bank) bahawa ia telah memperoleh persetujuan dan kuasa yang sewajarnya daripada pihak ketiga tersebut untuk agensi pelaporan/rujukan kredit yang berkaitan mendedahkan laporan kredit atau maklumat mereka kepada Bank.

4. Data Peribadi

- 4.1 Pemegang Akaun dengan ini mengesahkan bahawa Pemegang Akaun telah membaca, memahami, dan bersetuju untuk terikat dengan Notis Privasi Bank (yang boleh didapati di cawangan-cawangan Bank serta di laman web Bank di www.icbcmv.com) dan Fasal 4 di sini, yang mungkin berkaitan dengan pemprosesan maklumat peribadi Pemegang Akaun. Sebagai penegasan, Pemegang Akaun bersetuju bahawa Notis Privasi tersebut dianggap tergabung secara rujukan ke dalam Terma dan Syarat ini.
- 4.2 Sekiranya Pemegang Akaun memberikan maklumat peribadi berkaitan pihak ketiga, termasuk maklumat berkaitan waris dan tanggungan Pemegang Akaun, bagi tujuan Akaun Perbankan, Pemegang Akaun:(a) mengesahkan bahawa Pemegang Akaun telah memperoleh persetujuan mereka atau berhak untuk memberikan maklumat ini kepada Bank dan membenarkan Bank menggunakannya mengikut Terma dan Syarat ini; (b) menjamin bahawa Pemegang Akaun telah memaklumkan pihak ketiga tersebut untuk membaca Notis Privasi; (c) bersetuju untuk memastikan maklumat peribadi pihak ketiga tersebut adalah tepat; (d) bersetuju untuk memaklumkan Bank secara bertulis sekiranya terdapat sebarang perubahan material terhadap maklumat peribadi tersebut; dan (e) bersetuju dengan hak Bank untuk menamatkan atau menutup Akaun Perbankan sekiranya persetujuan tersebut ditarik balik oleh mana-mana pihak ketiga tersebut..
- 4.3 Apabila Pemegang Akaun mengarahkan Bank untuk melaksanakan sebarang transaksi rentas sempadan (termasuk membuat atau menerima pembayaran), butiran berkaitan transaksi tersebut (termasuk maklumat berkaitan mereka yang terlibat dalam transaksi berkenaan) mungkin diterima dari atau dihantar ke luar negara, di mana ia boleh diakses oleh pengawal selia dan pihak berkuasa luar negara (contohnya bagi pencegahan jenayah). Dengan mengarahkan Bank dan/atau ejen Bank untuk melaksanakan sebarang transaksi rentas sempadan bagi pihak Pemegang Akaun, Pemegang Akaun bersetuju dengan pendedahan tersebut bagi pihak Pemegang Akaun dan mereka yang terlibat dalam transaksi rentas sempadan berkenaan.
- 4.4 Pemegang Akaun mengakui dan memahami bahawa ia diberi pilihan sama ada membenarkan pendedahan maklumat peribadinya bagi tujuan jualan silang, pemasaran dan promosi perkhidmatan serta produk (yang mana Bank mungkin atau tidak dibayar) seperti yang disediakan dan/atau dipasarkan oleh Bank dan/atau mana-mana ahli Kumpulan Bank dan/atau pihak ketiga terpilih. Jika Pemegang Akaun bersetuju untuk memilih dan memberikan persetujuan bagi pendedahan maklumat peribadinya untuk tujuan tersebut dalam borang permohonan pembukaan akaun, ini akan dianggap sebagai persetujuannya untuk Bank, mana-mana ahli Kumpulan Bank dan/atau pihak ketiga terpilih menggunakan, menganalisis dan menilai maklumat peribadi tentang Pemegang Akaun (tidak termasuk maklumat berkaitan urusan atau akaun Pemegang Akaun) serta memberikan Pemegang Akaun maklumat tentang produk dan perkhidmatan (yang mana Bank mungkin atau tidak dibayar) daripada Bank, mana-mana ahli Kumpulan Bank dan/atau pihak ketiga terpilih melalui telefon, telefon bimbit, media elektronik, pos atau cara lain sehingga Bank menerima bantahan bertulis Pemegang Akaun terhadap pendedahan tersebut bagi tujuan jualan silang.
- 4.5 Bank berhak untuk meminda Fasal 4 ini dari semasa ke semasa dan akan memberikan notifikasi terlebih dahulu kepada Pemegang Akaun secara bertulis serta memaparkan sebarang pindaan tersebut di laman web Bank atau dengan meletakkan notis di dewan bank atau lokasi utama di cawangan-cawangan Bank atau melalui cara komunikasi lain yang difikirkan sesuai oleh Bank.
- 4.6 Fasal 4 ini tidak menjejaskan mana-mana fasal lain dalam Terma dan Syarat ini yang memperuntukkan pendedahan maklumat

5. Deposit dan Pengeluaran

5.1 Deposit

- (a) Deposit ke dalam Akaun Perbankan boleh dibuat melalui deposit tunai, deposit cek, pindahan antara bank, pindahan dana elektronik, dan cara lain seperti yang ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa.

- (b) Semua deposit di kaunter (OTC) mesti disertakan dengan slip deposit yang telah dilengkapkan seperti yang ditetapkan oleh Bank. Pemegang Akaun bertanggungjawab untuk memastikan semua maklumat yang diberikan dalam slip deposit adalah tepat dan lengkap. Bank berhak menolak sebarang deposit sekiranya maklumat atau dokumen yang diberikan tidak tepat atau tidak lengkap..
- (c) Untuk deposit di kaunter (OTC), Pemegang Akaun mesti memastikan salinan slip transaksi atau resit telah disahkan oleh mesin dan diberi kuasa oleh pegawai berwajib Bank sebelum meninggalkan kaunter. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan, kesilapan, atau kekurangan, Pemegang Akaun hendaklah segera memaklumkan Bank untuk pembetulan. Bank tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kerugian atau kerosakan yang timbul akibat kegagalan Pemegang Akaun melaporkan percanggahan tersebut dengan segera.
- (d) Bank berhak menolak, tidak menerima, atau memulangkan sebarang deposit tanpa memberikan sebarang alasan, terutamanya jika deposit dibuat dengan melanggar proses dan/atau prosedur Bank, atau jika sumber dana tidak dikenal pasti.
- (e) Cek dan instrumen boleh niaga lain diterima untuk tujuan kutipan sahaja dan tertakluk kepada pembersihan oleh bank pembayar. Dana daripada instrumen tersebut tidak boleh dikeluarkan sehingga Bank menerima hasil pembayaran. Bank boleh, atas budi bicara mutlak, membenarkan pengeluaran terhadap dana yang belum dibersihkan, tetapi berhak mendebit sebarang Akaun Perbankan dan mendapatkan semula jumlah yang berkaitan sekiranya cek atau instrumen boleh niaga lain ditolak atau tidak dibayar.

5.2 Pengeluaran

- (a) Semua pengeluaran tertakluk kepada ketersediaan dana yang mencukupi dalam Akaun Perbankan.
- (b) Pengeluaran tertakluk kepada had harian atau transaksi, prosedur, proses pengesahan, dan keperluan keselamatan seperti yang ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa.
- (c) Pengeluaran boleh dilakukan melalui ATM, kaunter (OTC), transaksi kad debit, perbankan dalam talian, perbankan mudah alih, atau cara lain seperti yang ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa. Pengeluaran sedemikian tertakluk kepada had transaksi, had harian, yuran, dan caj yang berkenaan. Pengeluaran menggunakan ATM atau kad debit dikawal oleh terma dan syarat Bank berkaitan kemudahan kad debit, manakala pengeluaran melalui perbankan internet atau mudah alih tertakluk kepada terma dan syarat perkhidmatan masing-masing.
- (d) Untuk pengeluaran di kaunter (OTC), Pemegang Akaun mungkin dikehendaki menunjukkan pengenalan diri yang sah dan melengkapkan borang pengeluaran yang ditetapkan.
- (e) Pengeluaran melalui cek tertakluk kepada prosedur pengeluaran dan penunaian cek Bank. Bank berhak menolak sebarang cek yang tidak lengkap, bertarikh hadapan, basi (lebih daripada enam (6) bulan), atau tidak menepati syarat. Cek yang ditanda "Akaun Penerima Sahaja" mesti dikreditkan ke akaun penerima yang dinamakan dan tidak boleh ditunaikan secara tunai.
- (f) Bank boleh menolak atau melambatkan pemprosesan sebarang permintaan pengeluaran sekiranya transaksi tersebut kelihatan mencurigakan, penipuan, tidak dibenarkan, atau melanggar mana-mana undang-undang, peraturan, atau Terma dan Syarat ini. Bank tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kerugian atau kerosakan yang timbul akibat penolakan atau kelewatan tersebut.
- (g) Bank tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kelewatan, gangguan, atau kegagalan dalam memproses pengeluaran akibat ralat sistem, gangguan rangkaian, kejadian di luar kawalan (force majeure), atau sebarang keadaan di luar kawalan munasabah Bank.

6. Kadar Faedah

- 6.1 Faedah, jika ada, akan dikreditkan ke Akaun Perbankan mengikut kadar semasa Bank, yang mungkin dikemaskini dari semasa ke semasa.
- 6.2 Faedah tersebut tertakluk kepada potongan cukai atau penahanan yang dikenakan mengikut undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa (jika ada).

7. Arahan dan Pemberian Kuasa

- 7.1 Sebarang arahan daripada Pemegang Akaun kepada Bank berkenaan Akaun Perbankan mestilah dibuat secara bertulis dan ditandatangani mengikut mandat operasi yang berkuat kuasa pada masa itu. Arahan sedemikian tidak boleh ditarik balik dan mengikat Pemegang Akaun serta hanya berkuat kuasa setelah diterima oleh Bank.
- 7.2 Pemegang Akaun memberi kuasa kepada Bank, tanpa perlu merujuk kepada Pemegang Akaun:-
 - (a) untuk bertindak atas sebarang arahan yang dibuat mengikut cara yang ditetapkan atau diterima oleh Bank serta disertakan dengan dokumen seperti yang diperlukan oleh Bank; dan/atau
 - (b) untuk membayar, melunaskan, dan mematuhi semua cek, draf, arahan bayar, bil pertukaran, nota janji bayar, dan instrumen lain yang dikeluarkan, ditandatangani, diterima, diendos, atau dibuat oleh atau bagi pihak Pemegang Akaun, dan yang dikeluarkan kepada, dialamatkan kepada, atau perlu dibayar oleh Bank.
- 7.3 Bank boleh bertindak atas sebarang arahan yang dipercayai oleh Bank dengan ikhlas diberikan oleh Pemegang Akaun, tanpa perlu menyiasat:-
 - (a) identiti atau kuasa orang yang memberikan atau mendakwa memberikan arahan tersebut; atau
 - (b) kesahihan arahan tersebut walaupun:-
 - (i) arahan tersebut bercanggah dengan arahan lain yang diberikan oleh Pemegang Akaun kepada Bank; atau
 - (ii) terdapat sebarang kesilapan, salah faham, penipuan, pemalsuan, atau kekaburan dalam terma arahan tersebut.
- 7.4 Bank berhak menolak untuk menerima atau melaksanakan sebarang arahan, tanpa liabiliti atas sebarang tuntutan, kerugian, kerosakan, penalti, caj, kos, dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Pemegang Akaun, jika:-
 - (a) Bank secara munasabah percaya arahan tersebut bukan daripada Pemegang Akaun;
 - (b) Bank secara munasabah mengesyaki arahan tersebut dibuat secara penipuan;
 - (c) arahan tersebut tidak jelas, tidak lengkap, tidak dalam bentuk yang diperlukan, atau tidak disahkan dengan betul;
 - (d) tandatangan pada arahan tersebut tidak sepadan dengan rekod Bank;
 - (e) melaksanakan arahan tersebut bercanggah dengan undang-undang, peraturan, atau polisi dalaman Bank;
 - (f) ia menyebabkan Akaun Perbankan menjadi overdraif;
 - (g) Bank mempunyai sebab lain yang sah untuk tidak melaksanakan arahan tersebut, yang mungkin (tetapi tidak wajib) didedahkan kepada Pemegang Akaun.

8. Yuran dan Caj

- 8.1 Bank boleh mengenakan yuran dan caj berkenaan sebarang produk, kemudahan, atau perkhidmatan yang disediakan oleh Bank, seperti yang ditetapkan dari semasa ke semasa. Jadual Yuran dan Caj semasa diterbitkan di laman web rasmi Bank di www.icbcmv.com dan dianggap sebagai sebahagian daripada Terma dan Syarat ini. Bank berhak mengubah, meminda, atau menyemak yuran dan caj tersebut mengikut budi bicaranya, dengan syarat Pemegang Akaun diberi notis bertulis sekurang-kurangnya 21 hari (atau tempoh lain seperti yang diperlukan oleh undang-undang).
- 8.2 Selain yuran dan caj dalam Fasal 8.1, Pemegang Akaun bertanggungjawab untuk membayar sebarang kos dan perbelanjaan lain (termasuk tetapi tidak terhad kepada yuran guaman) berkaitan Akaun Perbankan, termasuk penguatkuasaan hak Bank di bawah akaun tersebut.
- 8.3 Pemegang Akaun memberi kuasa kepada Bank untuk mendebit bayaran seperti yang dinyatakan dalam Fasal ini daripada Akaun Perbankan apabila ia perlu dibayar. Pemegang Akaun mesti memastikan terdapat dana yang mencukupi dalam akaun pada setiap masa untuk semua bayaran tersebut.
- 8.4 Kecuali dinyatakan sebaliknya, semua yuran dan caj tidak termasuk cukai, duti, levi, atau bayaran statutori lain. Cukai tersebut (jika dikenakan) hendaklah ditanggung oleh Pemegang Akaun. Bank berhak menuntut daripada Pemegang Akaun sebarang cukai, levi, atau penalti yang perlu dikutip atau dibayar kepada pihak berkuasa.

- 8.5 Semua caj perbankan, termasuk cukai (jika ada), akan didebitkan daripada akaun apabila ia perlu dibayar..

9. Perubahan Butiran

- 9.1 Pemegang Akaun mesti memaklumkan Bank secara bertulis dengan segera sekiranya terdapat sebarang perubahan pada maklumat peribadi, termasuk tetapi tidak terhad kepada alamat, nombor telefon, e-mel, nombor pengenalan, tandatangan, dan penandatangan yang diberi kuasa. Notifikasi tersebut hendaklah diserahkan melalui cawangan Bank atau kaedah lain yang ditetapkan oleh Bank. Bank berhak meminta dokumen sokongan untuk mengesahkan perubahan tersebut.
- 9.2 Sehingga Bank menerima dan mengemaskini maklumat baru, Bank akan terus menggunakan maklumat terakhir yang ada dalam rekodnya. Sebarang komunikasi yang dihantar ke butiran terakhir Pemegang Akaun dianggap sebagai telah disampaikan dengan betul.
- 9.3 Bank tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kerugian atau kerosakan akibat kegagalan Pemegang Akaun mengemaskini maklumat mereka.

10. Penutupan Akaun

- 10.1 Pemegang Akaun boleh meminta penutupan Akaun Perbankan pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada Bank, tertakluk kepada penyelesaian semua baki tertunggak (jika ada).
- 10.2 Bank berhak menutup Akaun Perbankan jika:-
- (a) Pemegang Akaun melanggar Terma dan Syarat atau syarat lain yang mengawal perkhidmatan atau produk Bank yang berkaitan dengan akaun tersebut;
 - (b) Bank mengesyaki atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa akaun atau dana di dalamnya digunakan untuk aktiviti haram;
 - (c) Bank berpendapat perlu dengan memberikan notis 14 hari terlebih dahulu (tanpa perlu mendedahkan sebab melainkan diwajibkan oleh undang-undang);
 - (d) Pada pandangan Bank, akaun tersebut tidak dioperasikan dengan memuaskan;
 - (e) Pemegang Akaun tidak mematuhi undang-undang atau peraturan yang berkenaan;
 - (f) Ia diperlukan oleh undang-undang, peraturan, atau arahan Bank Negara Malaysia (BNM) atau pihak berkuasa lain;
 - (g) Terdapat siasatan oleh pihak polis atau penguatkuasa (di Malaysia atau luar negara) terhadap Pemegang Akaun.
- 10.3 Caj perkhidmatan akan dikenakan jika akaun ditutup dalam tempoh 3 bulan dari tarikh pembukaan, dan caj tersebut akan dipotong sebelum baki akaun dikembalikan kepada Pemegang Akaun. Kadar caj boleh didapati di laman web rasmi Bank.
- 10.4 Pengeluaran keseluruhan baki dalam Akaun Perbankan tidak dianggap sebagai penutupan akaun.

11. Akaun Tidak Aktif/Dana Tidak Dituntut

- 11.1 Akaun Perbankan akan diklasifikasikan sebagai tidak aktif sekiranya tiada transaksi (kredit atau debit) dilakukan oleh Pemegang Akaun dalam tempoh 12 bulan. Bank akan memaklumkan Pemegang Akaun secara bertulis sebelum akaun tersebut diklasifikasikan sebagai tidak aktif.
- 11.2 Untuk mengaktifkan semula akaun tidak aktif, Pemegang Akaun mesti melakukan transaksi pengeluaran dan/atau deposit di mana-mana cawangan Bank.
- 11.3 Caj perkhidmatan tahunan akan dikenakan ke atas akaun tidak aktif dan dipotong sehingga baki dalam akaun tersebut diklasifikasikan sebagai dana tidak dituntut dan dipindahkan kepada Pendaftar Dana Tidak Dituntut (di mana Fasal 11.4 terpakai). Jika baki akaun tidak aktif adalah RM10.00 atau kurang, Bank berhak mendebit baki tersebut sebagai caj perkhidmatan dan menutup akaun setelah memberi notis.
- 11.4 Sebarang baki dalam akaun tidak aktif yang tidak dioperasikan selama 7 tahun atau lebih akan diklasifikasikan sebagai dana tidak dituntut dan dipindahkan kepada Pendaftar Dana Tidak Dituntut mengikut Akta Wang Tidak Dituntut 1965.

12. Penyata Akaun

- 12.1 Bank boleh mengeluarkan Penyata Akaun sama ada dalam bentuk fizikal atau format elektronik ("e-Penyata"). Jika Pemegang Akaun memilih untuk melanggan perkhidmatan e-Penyata, alamat emel yang sah dan aktif mesti diberikan kepada Bank pada masa langganan. Jika perkhidmatan e-Penyata disediakan untuk Pemegang Akaun, Penyata Akaun akan dikeluarkan secara eksklusif dalam format elektronik dan tiada Penyata Akaun fizikal akan dikeluarkan.
- 12.2 Kecuali dinyatakan sebaliknya, Bank akan menyediakan Penyata Akaun kepada Pemegang Akaun sekali setiap bulan kalendar. Walau bagaimanapun, Bank tidak diwajibkan untuk menyediakan sebarang Penyata Akaun untuk tempoh di mana tiada transaksi dijalankan pada Akaun Bank yang berkaitan.
- 12.3 Setelah menerima Penyata Akaun, Pemegang Akaun bertanggungjawab untuk menyemak transaksi yang direkodkan dan memaklumkan Bank tentang sebarang kesilapan, ketidakaturan, percanggahan, tuntutan, atau debit atau entri tanpa kebenaran, termasuk yang timbul daripada pemalsuan, penipuan, kekurangan kuasa, kecuai, atau sebarang sebab lain oleh mana-mana pihak. Walau bagaimanapun, Pemegang Akaun (yang telah melanggan perkhidmatan perbankan internet dan mudah alih Bank) bertanggungjawab untuk menyemak rekod transaksi melalui perkhidmatan tersebut selepas setiap transaksi selesai.
- 12.4 Jika Pemegang Akaun gagal memaklumkan Bank secara bertulis tentang ketidakterimaan Penyata Akaun dan mendapatkan Penyata Akaun daripada Bank, atau gagal memaklumkan Bank tentang sebarang kesilapan, ketidakaturan, percanggahan, tuntutan, atau debit atau entri tanpa kebenaran dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh Penyata Akaun, rekod Bank akan dianggap benar, tepat, muktamad, dan mengikat berkenaan entri transaksi dan baki yang ditunjukkan.

13. Had Liabiliti

- 13.1 Bank tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kerugian atau kerosakan tidak langsung, insidental, akibat, contoh, atau khas yang dialami oleh Pemegang Akaun berkaitan operasi, penyelenggaraan, atau penggunaan Akaun Bank, termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan peluang, keuntungan dijangkakan, reputasi, atau data, walaupun Pemegang Akaun telah dimaklumkan tentang kemungkinan kerugian tersebut.
- 13.2 Pemegang Akaun bertanggungjawab untuk menjaga kerahsiaan maklumat akaun, PIN, kod keselamatan, dan kelayakan akses. Bank tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kerugian, kerosakan, atau akibat yang timbul daripada akses tanpa kebenaran ke Akaun Bank akibat kecuai Pemegang Akaun, kompromi kelayakan, atau kegagalan mengambil langkah keselamatan yang munasabah.
- 13.3 Bank tidak akan bertanggungjawab, dan Pemegang Akaun bersetuju untuk mengganti rugi Bank sepenuhnya terhadap semua kerugian, kos, kerosakan, dan perbelanjaan yang mungkin ditanggung oleh Pemegang Akaun atau Bank berkaitan dengan mana-mana Akaun Bank atau pelaksanaan arahan (sama ada lisan, bertulis, elektronik, atau lain-lain, walaupun arahan tersebut mungkin penipuan atau tanpa kebenaran) yang diberikan oleh Pemegang Akaun atau wakilnya, atau jika mana-mana Akaun Bank dibekukan atau dikurangkan oleh pihak berkuasa kerajaan.
- 13.4 Pemegang Akaun juga bersetuju bahawa jika Bank menanggung liabiliti atau kerugian bagi pihak Pemegang Akaun atau atas permintaan Pemegang Akaun, sebarang dana, sekuriti, atau barang berharga lain yang didepositkan dengan Bank (sama ada sebagai cagaran, simpanan selamat, atau tujuan lain) akan secara automatik menjadi cagaran kepada Bank, dan Bank berhak menahan atau menolak cek Pemegang Akaun sehingga liabiliti diselesaikan sepenuhnya.
- 13.5 Bank tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kerugian, kerosakan, atau kesulitan yang dialami oleh Pemegang Akaun akibat tindakan Bank untuk membekukan atau menyekat Akaun Bank mengikut undang-undang, peraturan, keperluan kawal selia, perintah mahkamah, atau dasar dalaman Bank, termasuk tetapi tidak terhad kepada transaksi mencurigakan, pematuhan anti-pengubahan wang haram, atau isu pengesahan akaun.

14. Hak untuk Tolak Ansur

- 14.1 Bank berhak pada bila-bila masa, dengan memberikan notis bertulis tujuh (7) hari sebelumnya, menggabungkan atau menyatukan semua atau mana-mana Akaun Bank dan/atau akaun lain Pemegang Akaun dengan Bank, sama ada secara tunggal atau bersama dengan orang lain (secara kolektif, "Akaun"), di mana-mana lokasi, dan menolak ansur atau memindahkan sebarang jumlah yang terkredit dalam mana-mana Akaun tersebut untuk memenuhi sebarang hutang, obligasi, atau liabiliti Pemegang Akaun kepada Bank di bawah Terma dan Syarat ini atau mana-mana perjanjian lain.
- 14.2 Jika gabungan, tolak ansur, penyatuan, atau pemindahan memerlukan penukaran satu mata wang kepada yang lain, penukaran tersebut akan dikira pada kadar pertukaran spot semasa Bank (sebagaimana yang ditentukan secara muktamad oleh Bank).
- 14.3 Bank berhak menahan atau membekukan dana yang terkredit dalam semua atau mana-mana Akaun selepas pengeluaran notis seperti dalam Seksyen 14.1.
- 14.4 Untuk liabiliti kontinjen atau masa depan Pemegang Akaun kepada Bank, kewajipan Bank untuk membayar baki kredit dalam Akaun akan digantung sehingga kontinjen atau peristiwa masa depan berlaku.

15. Cek

- 15.1 Cek hanya boleh dikeluarkan pada borang yang dibekalkan dan didaftarkan untuk tujuan tersebut. Cek hanya boleh digunakan untuk akaun semasa atau akaun lain seperti yang ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa. Permohonan buku cek hendaklah dibuat menggunakan borang permohonan atau permintaan bertulis.
- 15.2 Syarat-syarat yang tercetak pada kulit buku cek mesti dipatuhi dan merupakan sebahagian daripada dokumen ini.
- 15.3 Bank berhak menolak cek jika tandatangan Pemegang Akaun pada cek berbeza dengan spesimen tandatangan yang diberikan kepada Bank. Bank tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kerugian akibat penolakan cek.
- 15.4 Cek yang dikembalikan kerana ditolak boleh dihantar melalui pos biasa ke alamat terakhir yang didaftarkan dengan Bank, atas risiko dan perbelanjaan Pemegang Akaun.
- 15.5 Pemegang Akaun hendaklah mengganti rugi Bank sepenuhnya dan berkesan, sebagai bank pengutip, daripada dan terhadap sebarang kerugian yang mungkin ditanggung oleh Bank disebabkan oleh Bank menghormati atau menjamin sebarang endorsmen, pelepasan, atau pembayaran pada cek, bil, nota, draf, waran dividen, atau instrumen lain yang dikemukakan oleh Pemegang Akaun untuk kutipan. Setiap jaminan yang diberikan oleh Bank tersebut akan dianggap telah diberikan atas permintaan yang jelas daripada Pemegang Akaun dalam setiap kes.
- 15.6 Bagi Akaun Bank Bersama, cek yang boleh dibayar kepada mana-mana Pemegang Akaun boleh didepositkan ke dalam Akaun bank, dan Bank tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kerosakan atau kerugian yang timbul daripada pembayaran hasil cek tersebut. Pembayaran sedemikian akan mengikat Pemegang Akaun, secara bersama dan berasingan, sama ada pembayaran tersebut dibuat dengan pengetahuan, persetujuan, atau kuasa mana-mana Pemegang Akaun yang lain atau tidak.
